

Kertas Perintah 8 Tahun 2021

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT PERINTAH

P.U. (A) 151.

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (PINDAAN) 2021

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[31 Mac 2021]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada sebelas hari bulan Januari, dua ribu dua puluh satu:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tindakan serta-merta adalah dikehendaki bagi menjamin dan mengekalkan keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021**.

(2) Ordinan ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2021.

Seksyen baharu 10A dan 10B

2. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U. (A) 12/2021*] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

“Peruntukan kewangan sementara

10A. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan sesuatu Negeri yang berhubungan dengan perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu Negeri, apa-apa perbelanjaan tambahan yang menghendaki suatu Akta atau Enakmen atau ketetapan

Dewan Rakyat atau Dewan Undangan bagi sesuatu Negeri, dan pengeluaran daripada mana-mana Kumpulan Wang itu, bagi tempoh darurat berkuat kuasa, apa-apa perbelanjaan atau pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu Negeri boleh dibuat dengan kelulusan Perbendaharaan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan mengikut cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana Arahan Perbendaharaan atau Pekeliling Perbendaharaan yang berhubungan dengannya yang pada masa itu berkuat kuasa.

Ketidapkakaian tatacara bagi penggunaan wang yang diperdapatkan atau diterima

10B. Bagi tempoh darurat berkuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berhubungan dengan penggunaan wang yang diperuntukkan dalam perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [*Akta 275*]; dan
- (b) peruntukan yang berhubungan dengan penggunaan wang yang diperuntukkan dalam perenggan 2(2)(b) Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [*Akta 188*],

tidak mempunyai kesan.”.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada dua puluh lima hari bulan Mac, dua ribu dua puluh satu.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong

EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) (AMENDMENT)
ORDINANCE 2021

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[31 March 2021]

WHEREAS by reason of the existence of a grave emergency threatening the security, economic life and public order of the Federation arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Article 150 of the Federal Constitution on the eleventh day of January, two thousand twenty one:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that immediate action is required to guarantee and preserve the security, economic life and public order:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

Short title and commencement

1. (1) This ordinance may be cited as the **Emergency (Essential Powers) (Amendment) Ordinance 2021**.

(2) This Ordinance comes into operation on 31 March 2021.

New sections 10A and 10B

2. The Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [*P.U. (A) 12/2021*] is amended by inserting after section 10 the following sections:

“Temporary financial provisions

10A. Notwithstanding any provision in the Federal Constitution and the Constitution of a State relating to expenditure charged on the Federal Consolidated Fund or the Consolidated Fund of a State, any supplementary expenditure requiring an Act or Enactment or resolution of the House of Representatives or Legislative Assembly of a State, and withdrawal from any of the Consolidated Funds, for so long as the emergency is in force, any such expenditure or withdrawal from the Federal Consolidated Fund or the Consolidated Fund of a State may be made with the approval of the Treasury or the Menteri Besar or Chief Minister of a State, as the case may be in such manner as may be provided by any written law or any Treasury Instructions or Treasury Circulars relating thereto for the time being in force.

Non-application of procedures for application of moneys raised or received

10B. For so long as the emergency is in force—

- (a) the provision relating to the application of moneys provided in paragraph 4(b) of the Government Funding Act 1983 [*Act 275*]; and
- (b) the provision relating to the application of moneys provided in paragraph 2(2)(b) of the Treasury Bills (Local) Act 1946 [*Act 188*],

shall have no effect.”.

PROMULGATED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital,
this twenty-fifth day of March, two thousand twenty one.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
Yang di-Pertuan Agong